

**SULIT**

**MESYUARAT KEEMPAT, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN  
RADIN  
(KINABATANGAN)**

**TARIKH : 24.11.2016 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 15**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam membantu pekan-pekan di kawasan luar bandar seperti Kinabatangan dalam menyediakan kemudahan-kemudahan infrastuktur awam agar setanding dengan infrastruktur kemudahan awam di kawasan bandar.

**SULIT**

**SULIT**

**Jawapan :**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha membangunkan kawasan luar bandar, Kementerian Kemajuan Luar Bandar (KKLW) telah merancang pelbagai aktiviti/ program yang dapat meningkatkan pembangunan ekonomi, infrastruktur serta kemudahan awam dan pembangunan modal insan seperti berikut:

- a) Meningkatkan liputan dan kualiti prasarana asas, utiliti dan ameniti sosial;
- b) Membasmi kemiskinan tegar dan membantu mengurangkan separuh kadar kemiskinan;
- c) Mempergiatkan pembangunan modal insan di kalangan masyarakat luar bandar;
- d) Melonjakkan aktiviti ekonomi dan industri luar bandar; dan
- e) Memperhebatkan usaha membangunkan kawasan-kawasan terpencil, mundur dan terbiar.

**SULIT**

**SULIT**

Tumpuan diberikan kepada program-program menambahbaik dan menaiktaraf rangkaian jalan luar bandar, jalan perhubungan desa, menyediakan bekalan elektrik 24 jam, membekalkan bekalan air bersih dan terawat serta menyediakan kemudahan ameniti sosial yang sempurna di dalam memastikan masyarakat luar bandar dapat menikmati dan meningkatkan kualiti hidup yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua,

Menjelang tahun 2020, disasarkan sistem perhubungan luar bandar akan meliputi 100% kampung-kampung di Semenanjung Malaysia dan 80% kampung di Sabah dan Sarawak, 99% penduduk akan mendapat bekalan air bersih dan terawat dan 99% rumah di luar bandar akan mendapat bekalan elektrik.

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG  
(KLUANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 24.11.2016**

**Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [ KLUANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) keperluan dan kekangan undang-undang penubuhan bank negeri serta jumlah pemberian Persekutuan kepada Johor mengikut kapital, jalan negeri, dan berkenaan dari tahun 2005 hingga 2016 ; dan
- (b) jumlah pemberian Persekutuan secara langsung kepada Johor atau agensi Persekutuan dari tahun 2005 hingga 2016.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan penubuhan Bank of Johor adalah bertujuan untuk menangani isu pembiayaan perumahan yang dihadapi oleh rakyat Johor. Walau bagaimanapun, BNM telah memaklumkan kepada perwakilan Kerajaan Negeri Johor dalam mesyuarat pada bulan April 2016 agar menimbang cadangan penubuhan bank tersebut berdasarkan faktor-faktor seperti berikut :

- (i) Penyediaan skim sewa beli (*Rent-To-Own*) yang membolehkan rakyat untuk menyewa dahulu rumah kediaman mereka pada peringkat awal sebelum membeli rumah tersebut setelah pendapatan mereka meningkat;
- (ii) Penyediaan skim pembiayaan perumahan melalui kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan institusi perbankan; atau
- (iii) Penubuhan sebuah institusi pinjaman tanpa pengambilan deposit (*deposit-taking*) daripada orang awam.

Susulan daripada mesyuarat tersebut, pihak perwakilan Kerajaan Negeri Johor menyatakan cadangan untuk menjalankan kajian kemungkinan (*feasibility study*) berhubung penubuhan bank tersebut. Setakat hari ini, tiada sebarang perkembangan baru mengenai perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2006 sehingga 2015, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan kepada Johor sebanyak RM93.8 bilion. Jumlah tersebut merangkumi jumlah pemberian sebanyak RM5.3 bilion, jumlah perbelanjaan mengurus sebanyak RM70 bilion dan jumlah perbelanjaan pembangunan sebanyak RM18 bilion.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9413**

**SOALAN:**

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [ Kuala Kangsar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan akhir-akhir ini jenayah menculik di bawah umur semakin berleluasa. Apakah usaha Kementerian untuk mengambil tindakan drastik bagi menangani masalah ini sebelum ia menjadi ke tahap yang tidak terkawal.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kes penculikan merupakan satu isu yang kompleks, sukar dibendung kegiatannya dan boleh berlaku pada bila-bila masa tanpa sebarang petunjuk yang jelas. Kes penculikan boleh berlaku atas pelbagai motif yang bukan semata-mata untuk tujuan mendapatkan wang tebusan sahaja tapi atas pelbagai faktor yang lain seperti membalas dendam, untuk berkahwin dan sebagainya.**

**Statistik kes penculikan untuk tebusan sejak tahun 2014 sehingga September 2016 di seluruh negara yang melibatkan kanak-kanak adalah seperti berikut:**

<b>Bil</b>	<b>Tarikh</b>	<b>No. Repot</b>	<b>Jantina/Bangsa</b>	<b>Umur</b>	<b>Kes/Faktor</b>	<b>Status</b>
<b>1.</b>	<b>21/4/14</b>	<b>Batu Berendam Repot 1581/14</b>	<b>Lelaki/India</b>	<b>13</b>	<b>Culik (kes disiasat Sek 302 KK)</b>	<b>Mati dibunuh</b>
<b>2.</b>	<b>19/6/14</b>	<b>Sentul Repot 9529/14</b>	<b>Perempuan/India</b>	<b>15</b>	<b>Lari Rumah (kes disiasat Sek 363 KK)</b>	<b>Selamat</b>
<b>3.</b>	<b>22/01/2015</b>	<b>Klang Repot 3046/15</b>	<b>Lelaki/Cina</b>	<b>5</b>	<b>Culik untuk tebusan (kes disiasat Sek 3(1) Akta culik)</b>	<b>Selamat</b>
<b>4.</b>	<b>10/10/2015</b>	<b>Kajang Repot 35375/15</b>	<b>Lelaki/Cina</b>	<b>5</b>	<b>Culik untuk tebusan (kes disiasat Sek 3(1) Akta culik)</b>	<b>Selamat</b>
<b>5.</b>	<b>29/06/2016</b>	<b>Bukit Mertajam Repot 7850/16</b>	<b>Lelaki/Cina</b>	<b>11</b>	<b>Culik untuk tebusan (kes disiasat Sek 3(1) Akta culik)</b>	<b>Selamat</b>



**Antara langkah-langkah proaktif yang dilaksanakan bagi menangani kes penculikan ini adalah seperti berikut:-**

- i) Mewujudkan bahagian khas (D11) dan operasi khas (Op Scorpions) dalam PDRM bagi tujuan menyiasat dan menangani kes culik;**
- ii) Meningkatkan kesedaran kepada masyarakat supaya sentiasa berwaspada dan berhati-hati atas keselamatan diri dan keluarga dengan mempertingkatkan ilmu pencegahan jenayah bagi menutup ruang dan peluang kepada penjenayah seperti tidak membiarkan anak-anak bermain atau berjalan secara bersendirian dan bercakap dengan orang yang tidak dikenali;**
- iii) Menjalankan risikan dan mengenal pasti individu dan sindiket yang dipercayai melakukan jenayah culik;**
- iv) Meningkatkan kerjasama antara agensi bagi memastikan kes penculikan dapat ditangani secara menyeluruh dan mewujudkan talian khas iaitu talian Nur Kasih bagi memberi kemudahan kepada masyarakat untuk membuat laporan jika terlihat kanak-kanak dalam keadaan yang mencurigakan atau tidak berada dalam pengawasan ibu bapa ataupun penjaga;**
- v) Menggalakkan orang ramai supaya menggunakan kaedah-kaedah pencegahan jenayah seperti penggunaan litar tertutup (CCTV) di rumah yang boleh merakam orang yang mencurigakan; dan**

- vi) **Melaksanakan program *advokat* melalui televisyen seperti menyiarkan iklan yang mengandungi panduan kepada kanak-kanak ketika berada di luar rumah dan langkah-langkah keselamatan yang harus diberi perhatian oleh kanak-kanak dalam bentuk animasi ataupun kartun.**

**Dakwaan yang menyatakan bahawa jenayah culik di bawah umur semakin berleluasa ketika ini adalah perkara yang tidak benar dan merupakan khabar angin semata-mata. Ia disebar di dalam media sosial bertujuan untuk menakut-nakutkan masyarakat dan menimbulkan persepsi negatif dalam masyarakat terhadap keupayaan PDRM menangani masalah jenayah oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang mempunyai agenda tertentu. Pelbagai khabar angin yang tersebar seperti penculikan terhadap kanak-kanak untuk penjualan organ oleh sindiket dengan mempamerkan gambar kenderaan yang digunakan, anak-anak yang diculik dan sebagainya.**

**Kementerian menyeru masyarakat tidak mudah mempercayai sebarang bentuk khabar angin yang disiarkan di media sosial dan meminta semua pihak mendapatkan maklumat yang sahih yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Pihak polis tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang tegas kepada mana-mana orang perseorangan atau pihak-pihak tertentu yang menyebarkan berita-berita yang boleh menimbulkan keresahan dan ketakutan kepada masyarakat.**

**NO. SOALAN: 18**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9414**

**SOALAN:**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) sejauh manakah *Police Asset Loss Monitoring System (PALMS)* telah dibangunkan dan melatih anggota berkenaan supaya isu kehilangan aset PDRM seperti senjata api, gari, *walkie talkie* dan kenderaan dapat ditangani; dan

(b) jumlah kerugian kehilangan aset PDRM dari tahun 2013 sehingga 2015 berbanding kerugian sebanyak RM 1.33 juta bagi tahun 2010-2012.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

**Bagi menjawab soalan (a), *Police Asset Lost Monitoring System (PALMS)* dibangunkan bertujuan untuk memudahkan pemantauan terhadap kes-kes aset alih Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang telah dilaporkan hilang atau mengalami kerosakan. Usaha berterusan untuk memantapkan lagi sistem ini telah diambil dengan mengadakan taklimat dan bengkel kepada Ketua Polis Balai (KPB) seluruh negara. Aspek yang diberi penekanan kepada Ketua Polis Balai adalah untuk memantau laporan polis yang dibuat berkaitan kehilangan aset alih PDRM dan disalurkan kepada unit *Committee of Enquiry (CE)* di Bukit Aman untuk tindakan menubuhkan Jawatankuasa Penyiasat bagi membuat pertanyaan yang menjurus kepada sebab-sebab kehilangan serta syor-syor bagi mengelakkan kejadian yang sama berulang di masa hadapan.**

**Pemantauan terhadap Jawatankuasa Penyiasat yang ditubuhkan diperturunkan ke peringkat Kontinjen dan Daerah dengan penglibatan dari Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) bagi memastikan siasatan dijalankan dan disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.**

**Bagi menjawab soalan (b), bagi tempoh 2013 sehingga 2015 jumlah kerugian aset PDRM yang dilaporkan hilang atau mengalami kerosakan adalah seperti berikut:-**

- i) Tahun 2013, nilai kerugian berjumlah RM 380,757.00;**
- ii) Tahun 2014, nilai kerugian berjumlah RM 207,401.96; dan**
- iii) Tahun 2015, nilai kerugian berjumlah RM 650,671.**